

## BILANGAN 26 RASA PERMUSUHAN

ta laluan.

Mahkamah diberitahu bahawa blog Gan mengandungi elemen hasutan dan boleh membangkitkan rasa permusuhan di kalangan para pembaca.

Mahkamah diberitahu bahawa blog Gan mengandungi elemen hasutan dan boleh membangkitkan rasa permusuhan di kalangan para pembaca.

Kamus Dewan mencatatkan ‘rasa’ dengan maksud:

- 1) perihal sesuatu yang dikecap dengan lidah (manis, tawar dsb.)
- 2) tabiat sesuatu benda yang menimbulkan rasa (gula, manis rasanya)
- 3) keadaan hati terhadap sesuatu (rasa cinta, rasa sedih, dsb.)
- 4) anggapan tentang baik buruk, salah benar (dsb.) pendapat atau fikiran (pada rasa saya)
- 5) agaknya, barangkali (rasa-rasa, rasa-rasanya, rasanya)
- 6) sama rasanya dengan sesuatu (serasa, serasa-rasa)
- 7) ada terlintas di hati (rasa hendak disesahnya anak yang nakal itu)
- 8) mengagak atau menganggap (saya rasa, dia belum pulang lagi).

Penggunaan ‘rasa’ yang diikuti dengan kekata ‘permusuhan’ seperti dalam petikan boleh diragukan. Ada baiknya, kekata ‘rasa’ tidak diturutsertakan dalam kalimat tersebut.

Kekata ‘rasa’ juga tidak perlu wujud dalam kalimat berikut.

- 9) Usaha untuk mengeratkan **rasa persahabatan** telah ditimbulkan dalam pertemuan empat sekawan itu.
- 10) Majlis serupa itu boleh mengukuhkan **rasa persaudaraan**.
- 11) Sejak merdeka, pemerintah mengutamakan **rasa perpaduan** di kalangan rakyat.
- 12) Setiap orang perlu menghindari **rasa persengketaan**.

Kesalahan kedua dalam petikan di sebelah kiri anda ialah penggunaan kekata ‘para’. Oleh sebab, ‘kalangan’ merupakan kata yang bermaksud kumpulan, maka kekata ‘para’ tidak perlu digunakan. (rujuk bilangan 10)